



PUSPANITA

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Rumah PUSPANITA : JKR 5171, Jalan Hose, 50460 Kuala Lumpur .

Tel : 03-2142 1332, 03-21482625, 03-21459425 Fax :03-2144 2996

Bangunan PUSPANITAPURI : Lot PT 2280-2283, Persiaran Seri Perdana Percint 10, 65520 Putrajaya.

Tel : 03-8884 0300 Fax 03-8888 6475

Ruj. Kami : PNT.P.700-21/5 Jilid 5 (31)

Tarikh : 17 Julai 2020

SEMUA PENGERUSI PUSPANITA CAWANGAN

SEMUA SETIAUSAHA PUSPANITA CAWANGAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin Seri/ Datin Sri/ Datin/ To' Puan/ Puan,

HEBAHAN PLATFORM THE TUNKU AZIZAH HANDMADE MARKET SECARA DALAM TALIAN DAN KELAS JAHITAN KREATIF ANJURAN PERSATUAN SENI JAHITAN KREATIF MALAYSIA (PSJKM)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **The Tunku Azizah Handmade Market (TTAHM)**, sebuah galeri jualan barang-barang seni kreatif telah sempurna dirasmikan oleh **KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum AL-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj** pada 27 Februari 2020 yang lalu dan turut dihadiri oleh Ahli Majlis Tertinggi PUSPANITA.

3. Susulan pelancaran tersebut, PUSPANITA Kebangsaan menyokong penglibatan para ahli PUSPANITA yang berminat menyertai **The Tunku Azizah Handmade Market (TTAHM)** secara atas talian dan para ahli boleh menggunakan platform ini untuk menghasilkan produk buatan tangan (*handmade*) dan kemudiannya dipasarkan untuk menambah pendapatan keluarga. Platform ini boleh digunakan secara dalam talian melalui media sosial seperti berikut ;

- a) Laman Web : <https://sewingworld.com.my/>
- b) Facebook : <https://www.facebook.com/sewingworldgallery/>
- c) Instagram : https://www.instagram.com/sewingworld_/

4. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin Seri/ Datin Sri/ Datin/ Puan adalah dimohon untuk **menghebahkan platform The Tunku Azizah Handmade Market (TTAHM) secara dalam talian kepada semua ahli cawangan masing-masing dan**

juga mengalu-alukan jika ada dalam kalangan ahli yang mempunyai produk kemahiran (selain makanan) untuk sama - sama menggunakan platform ini bagi mempromosikan produk masing-masing. Bersama-sama ini disertakan muka hadapan platform seperti di lampiran untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin Seri/ Datin Sri/ Datin/ To' Puan/ Puan jua.

5. Untuk makluman semua cawangan juga, pihak Persatuan Seni Jahitan Kreatif Malaysia (PSJKM) turut menawarkan kelas menjahit *face mask* dan *pouch* kepada ahli PUSPANITA seperti butiran berikut;

Tarikh : 8 Ogos 2020 (Sabtu)
Masa : 10.00 pagi – 5.00 petang
**Tempat : Pusat Latihan Kraftangan Epal,
Sky Park @ One City, Subang Jaya, Selangor**


6. Para ahli yang berminat untuk menyertai kelas ini boleh menghubungi PUSPANITA Kebangsaan dan melengkapkan borang penyertaan di lampiran. Yuran penyertaan **RM30.00** dikenakan bagi setiap penyertaan untuk kos bahan, makan dan minuman.

7. Kerjasama dan keprihatinan pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin Seri/ Datin Sri/ Datin/ To' Puan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“Wanita Sepakat Negara Meningkatkan”

Saya yang menjalankan amanah,



(NUR HAYATI BINTI ABDUL KARIM)

Setiausaha Agung PUSPANITA

b.p Yang DiPertua PUSPANITA

s.k.:

Yang DiPertua

Bendahari Agung

Setiausaha Eksekutif

Fail